

Kronologi pemansuhan Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau

11 JUN 2011

SHAH ALAM - Umno Bahagian Shah Alam bersama lebih 20 badan bukan kerajaan (NGO) serta parti komponen BN menyerahkan memorandum mendesak kerajaan menghapuskan kutipan tol di Lebuhraya Persekutuan melibatkan Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau sebelum PRU13.

Memorandum diserahkan oleh Ketua Umno Bahagian Shah Alam, Datuk Nawawi Md Zin kepada Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor untuk pertimbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

12 DISEMBER 2011

SHAH ALAM - Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad menggesa dua plaza tol iaitu tol Batu Tiga dan Sungai Rasau dimansuhkan kerana memberi beban kewangan dan kesesakan lalu lintas kepada penduduk sekitar.

SHAH ALAM - Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Tiga, Rodziah Ismail menggesa kerajaan pusat mempertimbangkan beban dipikul warga Shah Alam dan langkah ini (mansuh tol) wajar kerana Lebuhraya Persekutuan mendapat keuntungan berlipat ganda sejak beroperasi pada 1974.

8 MEI 2012

SHAH ALAM - Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor men-

desak pihak kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya supaya memansuhkan dan menutup operasi di Plaza Tol Batu Tiga dan Plaza Tol Sungai Rasau dengan segera sebelum PRU13.

13 MEI 2012

SHAH ALAM - Pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat (PR) mengadakan demonstrasi di Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau bagi menuntut pemansuhan kedua-dua plaza tol tersebut.

26 NOV 2013

KUALA LUMPUR - Penghapusan tol tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya kerana boleh mendedahkan kerajaan kepada pelbagai tuntutan ekoran pelanggaran perjanjian dengan syarikat konsesi.

Menteri Kerja Raya Datuk Fadillah Yusof berkata tindakan itu boleh melibatkan implikasi kewangan yang besar.

13 FEB 2014

SHAH ALAM - Ketua Umno Bahagian Shah Alam, Datuk Azhari Shaari berkata satu memorandum pemansuhan pernah dihantar pihaknya kepada menteri bertanggungjawab pada 2011, namun mendakwa ia dipandang sepi tanpa sebarang tindakan lanjut.

23 FEB 2014

SHAH ALAM - Parti pembangkang tidak sewajarnya men-

dabik dada mendakwa kononnya mereka adalah juara memperjuangkan isu penghapusan kutipan tol di Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau, Lebuhraya Persekutuan yang membebaskan para pengguna.

Penyelaras Parlimen BN Shah Alam, Datuk Ahmad Nawawi Md Zin berkata, sebenarnya Umno dan BN sudah lama memperjuangkan isu tersebut kerana ia merupakan masalah utama dihadapi penduduk.

3 JUN 2014

KUALA LUMPUR - Kerajaan sedia mempertimbangkan semula desakan orang ramai berhubung pemansuhan kutipan tol di Plaza Tol Sungai Rasau dan Batu Tiga, Shah Alam.

Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof berkata, bagaimanapun pihaknya akan menilai terlebih dahulu implikasi pemansuhan kedua-dua tol berkenaan terhadap kewangan negara termasuk isu pampasan.

16 APRIL 2015

SHAH ALAM - Isu tol Batu Tiga berlarutan tanpa jalan penyelesaian apabila kerajaan persekutuan 'endah tak endah' berkenaan bantahan masyarakat yang mahu ia dimansuhkan.

ADUN Batu Tiga, Rodziah Ismail berkata, lebih mengecewakan apabila kontrak syarikat konsesi

yang tamat 2015 disambung tanpa alasan kukuh sehingga 2035.

6 OGOS 2017

SHAH ALAM - Umno Shah Alam membentangkan usul meminta kerajaan memansuhkan Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau di Lebuhraya Persekutuan di sini, yang dilihat semakin membebani pengguna terutama yang berpendapatan rendah.

Ketua Penerangan Umno Shah Alam, Razalee Ahmad berkata, usul berkenaan cuba dibawa sejak tiga tahun lepas dan akan terus dibawa sehingga terlaksana penutupan di kedua-dua tol berkenaan.

17 OGOS 2017

SHAH ALAM - Ketua Penerangan Umno Shah Alam, Razalee Ahmad memberitahu usul mendesak memansuhkan kutipan tol Batu Tiga dan Sungai Rasau sering dibangkitkan dalam perhimpunan agung setiap tahun dan sejak di bawah kepimpinan Ketua Umno Bahagian Shah Alam terdahulu, Datuk Ahmad Nawawi M Zin. Usaha (usul) diteruskan di bawah kepimpinan terkini, Datuk Azhari Shaari.

27 OKTOBER 2017

KUALA LUMPUR - Kerajaan menerusi Bajet 2018 mengumumkan pemansuhan kutipan tol tertentu di Selangor (tol Batu Tiga, Shah Alam dan Sungai Rasau), Kedah (tol Bukit Kayu Hitam) dan Johor (Eastern

Dispersal Link).

Berita gembira itu disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan langkah pemansuhan akan mula dilaksanakan mulai 1 Januari 2018.

28 OKTOBER 2017

KUALA LUMPUR - Plus Malaysia Berhad (PLUS) menjelaskan kutipan tol Batu Tiga dan Sungai Rasau di Selangor sepatutnya dijadualkan berakhir pada 31 Disember 2038.

Syarikat itu dalam satu kenyataan berkata, ia berdasarkan satu perjanjian konsesi yang disemak semula pada 2011 antara kerajaan dan PLUS menyaksikan kutipan di semua plaza tol milik PLUS, termasuk Batu Tiga dan Sungai Rasau diselenggarakan.

29 OKTOBER 2017

SHAH ALAM - Pengerusi BN Selangor, Tan Sri Noh Omar menyertai demonstrasi aman di Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau sebagai tanda terima kasih kepada kerajaan persekutuan yang mendengar dan meluluskan usul yang dibuat oleh Umno Bahagian Shah Alam dan Umno sekitar kawasan ini untuk memansuhkan dua tol terbabit.

SHAH ALAM - Ketua Bahagian Umno Shah Alam, Datuk Azhari Shaari sifatkan pemansuhan dua tol itu membantu penduduk dari dua daerah itu untuk menjimatkan kos hampir RM120 sebulan.